



## **ZAMZURIAH ZAHARI**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau merupakan graduan Diploma Seni Tari dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Drama) dari Universiti Malaya (UM), dan Sarjana Seni (Pengurusan Seni Persembahan).

Beliau mempunyai kepakaran di dalam bidang Tari Inai, Mak Yong Kelantan, Mek Mulung Kedah dan juga Mak Yong Kepulauan Riau.

Beliau seringkali memegang watak sebagai Pak Yong di dalam persembahan Mak Yong seperti Anak Raja Gondang (2005), Raja Indera Dewa (2006), Dewa Muda (2007), dan Gajah Gading Bertimang (2009).

Beliau turut terlibat di dalam persembahan monodrama seperti My Honey (2015), Wad 301 (2015), Puteri Mak Yong (2015), Usikan Rebab (2014), Jalan Primadona (2015), Seksyen By Stesen (2017), dan Mak Yong Titis Sakti (2018) yang telah menyerlahkan bakat beliau sebagai seorang penari, penyanyi serta pelakon.

Beliau yang juga merupakan seorang pengarah telah mengarahkan beberapa produksi teater tradisional di ASWARA, UM, *Damansara Performing Arts Centre (DPAC)*, *Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPAAC)*, Kaki Seni dan beberapa tempat kesenian.

Beliau yang merupakan anak jati Kelantan telah mewarnai kembali dunia seni Tari Inai dan dianggap sebagai Tokoh Muda dalam mempertahankan warisan seni ini yang telah pupus di negeri Kelantan.

Hasil penyelidikan dan praktikal yang dilakukan oleh beliau di Kelantan telah mengangkat dan mempopularkan kembali tarian ini di Malaysia.

Beliau juga dikenali sebagai penyanyi bagi lagu-lagu dan puisi tradisional sehingga dilantik sebagai fasilitator di bahagian puisi tradisional di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) selama 6 tahun dari tahun 2007 hingga tahun 2014 selain turut terlibat dalam persembahan di bawah anjuran Kementerian dan Organisasi Kesenian Negeri.

Sebagai koreografer, beliau pernah berkerjasama dengan produksi terbesar dalam penghasilan produk seperti *Typestry ASWARA*, *JAMU ASWARA*, rancangan televisyen *Pilih Kasih*, Anugerah Skrin 2015, *MUD Musical 2014* di Panggung Bandaraya, *Sirah Junjungan* di Istana Budaya (IB), *Bahaya Wanita* di IB, *Takhta* di IB, dan *Mimpi Atilla* di Panggung Eksperimen UM pada tahun 2014.

Sebagai penyanyi pula, persembahan terbesar yang pernah beliau sertai adalah *Konsert Malam Terang Bulan 2014 dan 2015* di Dewan Philharmonik *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)*, *The Rainforest World Music Festival 2014* di Sarawak, *Art Festival 2015* di London, dan *World Music Festival* di Spain pada tahun 2014 serta *Dinner Maybank Malaysia* di London pada tahun 2017.

Kini, beliau telah menghasilkan 2 buah album yang berjudul *Jalan Primadona 2016* dan *Jalan Seni Apolah Nasib Ambo 2018*.

Sebagai seorang penulis lirik dan komposer, beliau telah menghasilkan hampir 60 buah lagu yang sering digunakan dalam persembahan. Beliau turut menyumbangkan suaranya dalam beberapa rakaman lagu bagi Filem di Malaysia, dokumentari dan album-album lagu Asia.

### **PENCAPAIAN**

Anugerah yang pernah diraih beliau adalah Anugerah Seni Negara 2006 (Bakat Muda – Penari), Pelakon Terbaik di dalam *Festival Monodrama* Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2011, Skrip Terbaik di dalam *Festival Monodrama* DBP 2011, Munsyi Dewan Sastera 2011, dan menjadi *Speaker Ted-X* 2018.